

MINI ESTET: KESANNYA KEPADA PEKEBUN KECIL
(KAJIAN KES DI MINI ESTET PARIT SERAYA,
BENUT PONTIAN, JOHOR)

Oleh:

ROSLINA BT. IBRAHIM
NO. MATRIK: 050964

LATIHAN ILMIAH
BAGI MEMENUHI SEBAHAGIAN
DARIPADA SYARAT-SYARAT UNTUK
IJAZAH SARJANA MUDA SASTERA

JABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR

1988/89

KANDUNGAN


Halaman

PENGHARGAAN	iii
ISTILAH	iv
PETA	v
SINOPSIS	vi - vii
BAB I :					1 - 5
1.0 Tujuan Kajian	1
1.1 Kepentingan Kajian	2 - 3
1.2 Kaedah Penyelidikan	3 - 5
1.3 Masalah Penyelidikan	5
BAB II :					6 - 14
2.1 RISDA dan Peranannya	6 - 7
2.2 Konsep Mini Estet	8 - 14
BAB III:					
3.1 Kampung Parit Seraya	15
3.1.1 Latar Belakang	15
3.1.2 Masalah Pekebun Kecil sebelum Penubuhan Mini Estet	15 - 21
3.2 Mini Estet Parit Seraya	22
3.2.1 Latar Belakang	22
3.2.2 Objektif Mini Estet	22 - 25
3.3 Program Yang Dijalankan	25
3.3.1 Pembangunan Ladang	25 - 31
3.3.2 Pembangunan Masyarakat	31 - 33
3.4 Penilaian	33 - 40
BAB IV : SOSIO-EKONOMI PEKEBUN KECIL PARIT SERAYA					41 - 49
4.1 Pendapatan Peserta	41 - 42
4.2 Kemajuan Sosial	42 - 44
4.3 Kemudahan Asas	44 - 46
4.4 Sikap	46 - 47

4.5	Penglibatan Peserta Dalam Perniagaan	47	-	48
4.6	Simpanan	49		
BAB V :	Kesimpulan	54	-	59
Nota Kaki	60	-	61	
Bibliografi	62	-	63	
Soal Selidik	64	-	69	
Peta:					
1.	Pontian	v		
ii.	Kedudukan Mini Estet Parit Seraya	20		
Rajah:					
1.	Organisasi Pengurusan Mini Estet	24		
ii.	Pelan Rumah Kampung Tersusun	38		
Gambar:					
1.	Kelapa sawit yang belum diangkut	39		
2.	Masalah Projek Jem Nenas	40		
3.	Ladang Mini Estet Parit Seraya	50		
4.	Skim Perumahan	51		
5.	Projek Biri-biri	52		
6.	Kedai Runcit dan Kedai Jahit	53		

Istilah

RISDA	- Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Getah
PORIM	- Institut Penyelidikan Kelapa Sawit Malaysia
MARDI	- Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia.
USAPEK	- Perdagangan Pekebun Kecil.
PMPK	- Pemaaju-pemaaju Masyarakat Pekebun Kecil.
PMGM	- Pusat Pemerosesan Getah Berkelompok.
NARSCO	- Koperasi Pekebun Kecil Getah Nasional Berhad.
KEPAK	- Koperasi Pekebun Kecil Pontian.
KEMAS	- Kemajuan Masyarakat.
PPPK	- Pusat Pengembangan Pekebun Kecil.



RENGGAM

ARI AIR HITAM

SIMPANG RENGAM

KELUANG

Kg. Pt. Madirano

Kg. Pt. Bachok

Kg. Pt. Othman

Kg. Pt. Ramunla

Kg. Parit Seraya

Kg. Pt. Hj. Mohamad

JOHOR BAHARU

BENUT

Kg. Pt. Dua

PONTIAN

Kg. Pt. Sikom

Kg. Pt. Marjunit

Sg. Sanglang

AYER BALOI

Kg. Jawa

SELAT

MELAKA

Kg. Pt. Mardik

Kg. Pt. Hj. Adnan

PEKAN NANAS

PONTIAN KECIL

SINOPSIS

Kajian yang bertajuk " Mini Estet: Kesannya kepada Pekebun Kecil " ini, membuat penilaian terhadap salah satu Projek RISDA untuk mengatasi masalah Pekebun Kecil Getah. Untuk meneliti masalah pekebun kecil dan kesan yang diterima dari rancangan ini, kajian kes dibuat di Mini Estet Parit Seraya, Benut, Pontian Johor. Ia merupakan rancangan percubaan yang dilaksanakan oleh RISDA Wilayah Johor Bharu.

Bab pertama kajian ini, memberi gambaran berkenaan dengan tujuan dan kepentingan kajian ini serta masalah-masalah yang dihadapi semasa kajian dibuat.

Bab Kedua pula, menghuraikan secara umum langkah-langkah yang telah dilakukan oleh RISDA untuk membantu pekebun kecil. Bab ini juga menjelaskan konsep Mini Estet serta objektif RISDA memperkenalkannya. Pengkaji juga membincangkan proses dan syarat-syarat mewujudkan Mini Estet.

Manakala bab Ketiga, membincangkan berbagai masalah pekebun kecil Parit Seraya, khususnya yang berkaitan dengan pemilikan dan penjagaan tanah. Latarbelakang Kampung ini dihuraikan secara ringkas dan seterusnya pelaksanaan Mini Estet di kawasan ini. Di sini juga dibincangkan program-program yang dijalankan oleh RISDA dan penilaian dibuat untuk melihat setakatmana kejayaannya.

Dalam bab Keempat, tumpuan diberi kepada kesan sosio-ekonomi yang diterima oleh pekebun kecil yang terlibat dengan rancangan ini. Aspek sosio-ekonomi ini, termasuklah pendapatan, peningkatan sosial, sikap, kemudahan asas, kemampuan pekebun kecil membuat pelaburan dan kecenderungan mereka dalam bidang Industri kecil.

Akhir sekali , kajian ini membuat kesimpulan bahawa rancangan Mini Estet secara umumnya memberi faedah kepada pekebun kecil. Beberapa rumusan telah dibuat berkaitan dengan aspek pengurusan Mini Estet dan penglibatan para-pesertanya, sistem bekerja yang diamalkan dan juga punca kegagalan projek-projek yang dirancang.

1.0 Tujuan Kajian

Tujuan utama kajian ini ialah untuk menilai sejauhmana berjaya usaha-usaha yang dijalankan oleh kerajaan bagi meninggikan taraf hidup penduduk luar bandar. Dalam konteks ini, tumpuan kajian ialah kepada peranan RISDA sebagai sebuah agensi kerajaan, yang bertanggungjawab ke atas pembangunan pekebun kecil di Malaysia.

Salah satu usaha RISDA ialah memperkenalkan konsep Mini Estet kepada pekebun kecil. Di bawah konsep ini beberapa aspek penting telah diwujudkan. Di antara^{nya} sistem pengurusan ladang dan kampung yang teratur, sistem bekerja yang lebih baik, serta penggunaan teknologi. Berseesuaian dengan usaha ini, kajian dibuat bagi menilai keberkesannya mengatasi masalah, dan sumbangan dari aspek sosio-ekonomi, ke atas pekebun-pekebun kecil yang terlibat.

Selain dari itu kajian ini juga meninjau setakat manakah penduduk di kawasan yang dikaji dapat menikmati kemudahan asas dengan sepenuhnya seperti pengangkutan, kebajikan, kesihatan, pendidikan, air, elektrik dan lain-lain.

Bagi memenuhi tujuan ini, kajian dimulakan dengan peranan RISDA dan Mini Estet sebagai salah satu usaha pembangunan. Kemudian dikenalpasti masalah-masalah yang dihadapi oleh pekebun kecil. Di dalam aspek ini, Mini Estet Parit Seraya Pontian, Johor dipilih sebagai tempat kajian.

1.1 Kepentingan Kajian

Terdapat banyak kajian berhubung dengan sumbangan RISDA dalam mengubah corak kehidupan masyarakat pekebun kecil, samada dalam bentuk latihan ilmiah ataupun penyelidikan oleh RISDA sendiri. Antara latihan ilmiah yang pernah dibuat ialah oleh Anuar Ahmad,¹ Sarifah Arbiah Hj Samsuddin,² Tuan Mohd Azemin Tuan Drama³ Che Alias Che Musa,⁴ Abd. Rani Abd. Wahab⁵ dan Mohd. Nasir Saludin.⁶

Sungguhpun begitu kajian kebanyakannya bersifat umum. Namun begitu terdapat juga kajian khusus berkaitan dengan usaha-usaha awal RISDA seperti aktiviti PPPK. Oleh itu, kajian ini memberi penekanan kepada salah satu usaha RISDA, iaitu Mini Estet yang dulu lebih dikenali sebagai tanaman berkelompok.

Mini Estet yang diperkenalkan pada tahun 1979 di Parit Seraya ini, merupakan konsep baru kepada pekebun kecil. Pengkaji berharap hasil kajian ini akan memberi sumbangan kepada RISDA sendiri untuk menilai, samada rancangan yang berjalan hampir 9 tahun ini berkesan mencapai matlamat yang dirancang atau tidak. Kelemahan-kelemahan yang didedahkan, sekiranya ada, membolehkan pihak RISDA mengkaji semula dan memperbaikinya.

Seterusnya pengkaji beranggapan, selain dari penerapan teknologi moden, sistem bekerja yang sistematik juga merupakan faktor penting, dalam membantu meningkatkan pembangunan ekonomi masyarakat luar bandar. Oleh itu, kajian ini menilai sistem bekerja di dalam Mini Estet dan kesan yang wujud.

Aspek di atas memberi penekanan kepada sistem gotong royong bergaji. Pelaksanaan gotong royong dalam satu kelompok masyarakat yang lebih besar seperti ini, sekiranya memberi kesan positif, ianya boleh digunakan dalam konteks sebuah Negara. Dengan itu perpaduan bukan lagi masalah besar yang menjejaskan keharmonian hidup masyarakat Malaysia.

Kekurangan tenaga kerja di dalam sektor pertanian, yang diakibatkan oleh penghijrahan penduduk dari luar bandar ke bandar, seterusnya meningkatkan kadar pengangguran, merupakan masalah sosial. Sekiranya masalah ini tidak diatasi, ia akan menggugat kestabilan negara. Diharapkan kajian ini akan dapat memberi kesimpulan, samada langkah RISDA ini memberi kesan kepada pengurangan masalah tersebut atau sebaliknya.

Dengan itu jelaslah bahawa, sungguhpun kajian ini meliputi kawasan yang kecil, tetapi segala persoalan, permasalahan dan keberkesanan rancangan ini boleh diterapkan di kawasan-kawasan lain.

1.2 Kaedah Penyelidikan

Sebelum kajian dilakukan, Pengkaji mendapatkan maklumat awal melalui data sekunder. Data sekunder, berhubung dengan kedudukan kawasan yang hendak dikaji dan bilangan Populasi, penting bagi memudahkan pengkaji menganggarkan jumlah sampel, perbelanjaan dan masa yang diperlukan bagi menjalankan kajian. Selain dari itu, maklumat berkaitan dengan tujuan penubuhan dan bagaimana organisasi Mini Estet ini beroperasi juga diperolehi dari kaedah ini.

Setelah itu kajian awal, dijalankan pada 11 November 1987, di Mini Estet Parit Seraya. Maklumat-maklumat umum diperolehi melalui

temuramah dengan beberapa orang yang terlibat, termasuklah pegawai RISDA iaitu penyelia Mini Estet dan pengurus Mini Estet.

Kajian secara mendalam dimulakan pada 4 Jun 1988. Bagi menilai kesan rancangan ini terhadap peningkatan sosio-ekonomi, kaedah soal selidik telah digunakan. Oleh kerana jumlah populasi hampir 300 orang dan masa kajian yang singkat, pengkaji telah memilih responden secara persampelan rawak. Melalui responden yang dipilih ini, kertas soal selidik diberikan untuk dijawab.

Soal selidik dibuat dalam dua bentuk, iaitu soalan tertutup dan soalan terbuka. Bagi soalan tertutup, pengkaji menyediakan jawapan yang boleh dipilih oleh responden. Soalan jenis ini memudahkan pengkaji menganalisa data-data yang diberi. Manakala soalan terbuka pula digunakan untuk menilai pandangan peserta terhadap kesan rancangan ini. Soalan bentuk ini memberi kebebasan kepada responden mengemukakan sebarang jawapan yang difikirkan sesuai.

Bagi memudahkan pemahaman responden, pengkaji sedaya upaya membentuk soalan dengan bahasa yang mudah. Pengkaji juga telah menemui sendiri responden dan mencatat jawapan yang diberi. Ini bertujuan untuk mengatasi masalah sekiranya responden menghadapi kesukaran memahami soalan.

Kaedah ini digunakan bagi memudahkan pengkaji mengadakan 'cross-check' sekiranya, terdapat jawapan yang agak mengelirukan, atau kurang tepat sebagaimana yang dikehendaki oleh pengkaji.

Selain dari itu kaedah penyertaan dan pemerhatian juga dilakukan, di mana pengkaji telah tinggal bersama peserta selama 14 hari. Di samping memerhatikan masyarakat Mini Estet menjalani kehidupan se-

hari-hari, pengkaji juga menyertai beberapa kegiatan sosial yang dilakukan semasa berada di sana. Temubual secara tidak formal juga diadakan bagi meninjau pandangan dan perasaan mereka setelah menyertai Mini Estet ini.

1.3 Masalah Penyelidikan

Satu daripada masalah yang dihadapi semasa kajian dibuat ialah tempat yang dipilih jauh dari tempat tinggal pengkaji. Ditambah lagi, kawasan Mini Estet Parit Seraya ini jauhnya 15 km dari pekan Benut dan tiada kenderaan awam yang masuk ke kawasan tersebut. Kebanyakan penduduk di kawasan itu mempunyai kenderaan sendiri, terutamanya motorsikal, untuk keluar ke pekan.

Keadaan di atas menyebabkan pengkaji menyewa salah sebuah rumah peserta yang tidak didiami, bagi memudahkan kajian dibuat. Ini tentu sahaja menimbulkan masalah kewangan kerana tiada agensi yang membiayai kajian ini.

Masalah juga wujud semasa memilih responden. Ini kerana, walaupun pihak RISDA ada menyediakan kawasan perumahan, tidak semua peserta tinggal di kawasan tersebut. Sebahagian dari mereka mempunyai rumah sendiri di kampung yang berhampiran, iaitu Parit Selangor, Parit Marjunit atau Parit Abdul Rahman.

Masalah lain berhubung dengan responden ialah kesukaran menghubungi mereka, kerana setengah peserta bekerja di luar Mini Estet, misalnya mengambil upah menoreh atau lain-lain pekerjaan. Bagi mengatasi masalah ini, pengkaji terpaksa menemui mereka di waktu malam dan di ladang bagi mereka yang bekerja dalam Mini Estet.

2.1 RISDA dan Peranannya

Rubber Industrial Smallholder Development Authority (RISDA) merupakan sebuah badan yang bertanggungjawab menjaga kepentingan pekebun kecil dan mengatasi masalah yang dihadapi oleh mereka. Bermula dari 1 Januari 1973, RISDA telah mengambilalih tugas dari Rubber Replanting Board (RRB).⁷ Perubahan nama ini, membolehkan agensi tersebut mempunyai peranan yang lebih luas dan bukan sahaja bertanggungjawab menanam semula getah.

Serentak dengan penubuhannya, RISDA telah membuat program menyeluruh dalam semua aspek kehidupan pekebun kecil, bersesuaian dengan matlamat Dasar Ekonomi Baru 1970-1990, iaitu pekebun kecil akan dipertingkatkan sosio-ekonomi dan mutu hidup yang lebih baik.⁸

Bagi menjayakan objektif ini penumpuan utama RISDA ialah Rancangan Tanam Semula. Ia meliputi usaha menambah serta memperbaiki kadar pengeluaran, pemerosesan dan pemasaran, diikuti dengan kegiatan mempelbagaikan sumber pendapatan, dan akhirnya pembangunan tenaga manusia. Dalam rancangan ini beberapa jenis bantuan telah diberikan kepada pekebun kecil. Pada 1974 telah ditubuhkan kredit "pemulihan kebun tanam semula". Bantuan yang diberikan sebanyak \$400 seekar bagi membolehkan pekebun kecil menguruskan ladang dengan cara yang lebih sistematik, termasuklah perparitan dan penggunaan racun dan baja. Mulai Januari 1981, bantuan telah ditambah dengan skim Penggalak Tanam Semula (SEPENTAS). Di bawah skim ini pekebun kecil yang mempunyai kebun kurang dari 10 ekar akan menerima pinjaman tanpa faedah berjumlah \$60 hingga \$100 sebulan sehingga mengeluarkan hasil.⁹

Dalam aspek pemerosesan dan pemasaran, RISDA telah menyediakan Pusat Memproses Getah Berkelompok (PMGB). Melalui skim ini RISDA telah membekalkan peralatan yang diperlukan seperti mesin memproses berjentera dan juga khidmat nasihat. Tujuan PMGB, adalah supaya mutu getah yang terhasil lebih baik mutunya. Kawalan harga dilakukan melalui penjualan secara berkelompok. Penjualan dibuat sekali dalam 2 minggu. Biasanya getah dari semua pekebun kecil dikumpul dan dijual bersama. Sistem tender telah digunakan, di mana pembeli yang menawarkan harga yang lebih tinggi akan terpilih. Jika harga terlalu rendah, RISDA sendiri akan membeli, menyimpan dan menjualnya kemudian.

RISDA juga mengadakan program latihan bagi meningkatkan taraf pendidikan dan kemahiran di kalangan pekebun kecil. Beberapa institut latihan telah didirikan, antaranya Institut Bukit Sireh di Kelantan, Institut Padang Rengas di Perak, Kampung Awah di Pahang dan Institut Ayer Pa'abas di Melaka. Pada tahun 1987 lebih kurang 2,000 orang pekebun kecil telah diberi latihan di Institut-institut ini.

Di dalam bidang pelajaran, RISDA mengambil berat pendidikan anak pekebun kecil. Oleh itu melalui Pusat Perkembangan Pekebun Kecil (PPPK), beberapa kemudahan disediakan, antaranya Tadika, asrama dan biasiswa pelajaran.

Pada 16 April 1986, Koperasi Pekebun Kecil Getah Nasional Berhad (NARSCO) ditubuhkan. Tujuan utama koperasi ini ialah menggalakkan pelaburan di kalangan pekebun kecil. Untuk tidak membebankan mereka pelaburan dibuat secara beransur-ansur semasa penjualan getah. Apabila pelaburan seorang berjumlah \$100 ia akan diberi sijil sebagai ahli koperasi dan mereka berhak mendapat keuntungan yang dikeluarkan pada setiap tahun.

2.2 Konsep MINI ESTET

Mini Estet adalah sebuah ladang, hasil dari penyatuan tanah-tanah yang dimiliki oleh pekebun kecil. Ianya bersempadan antara satu sama lain. Ladang ini ditanam semula secara serentak dengan Bantuan Tanam Semula/Baru, subsidi atau kredit yang sedia ada. Kerja-kerja pembangunan hinggalah kepada penjualan hasil diutuskan oleh RISDA mengikut cara pengurusan teknik moden, supaya melibatkan belanja minima dan memberi hasil maksima.¹⁰

2.2.a Objektif Penubuhan Mini Estet

Dengan tertubuhnya Rancangan Mini Estet, pekebun kecil tidak lagi perlu menjalankan kegiatan pertanian atau membangunkan tanah mereka secara persendirian. Kerjasama antara sekumpulan pekebun-pekebun kecil ini akan memudahkan kerja-kerja pembangunan. Mengikut Taylor, segala tindakan kumpulan atau kerja kumpulan akan memberi hasil yang lebih berkesan dan meluas. Mereka juga akan menerima maklumat yang berkualiti dan perkhidmatan yang lebih baik.¹¹

Mini Estet juga dapat mewujudkan peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan. Di dalam rancangan ini, kerja-kerja utama diusahakan melalui kontrek. Kerja-kerja lain, misalnya membaja, meracun dan memotong buah dijalankan oleh tuan-tuan punya tanah. Oleh itu, secara tidak langsung Rancangan ini sedikit sebanyak berjaya mengurangkan pengangguran.

Menambahkan keluasan tanah dan membangunkan kawasan yang tidak produktif adalah salah satu objektif rancangan ini. Manakala Ahli jawatankuasa yang dilantik diberi latihan dalam berbagai bidang,

terutamanya amalan pengurusan asas estet. Mereka dipertanggungjawabkan membantu RISDA membangunkan kawasan tersebut. Latihan dan perkhidmatan pengembangan ini bertujuan memberi pendedahan yang luas kepada peserta Mini Estet.

Objektif terpenting rancangan ini ialah memastikan kejayaan pemindahan teknologi di kalangan pekebun kecil. Pemindahan teknologi sukar dilakukan jika pembangunan ditumpukan kepada kebun peseorangan dengan keluasan yang tidak ekonomik. Dengan wujudnya Mini Estet, penggunaan benih-benih bermutu dan jentera moden dapat dipraktikkan.

Oleh itu Rancangan Mini Estet ini bertujuan untuk meningkatkan taraf hidup pekebun kecil. Ini bersesuaian dengan matlamat perancangan ekonomi dalam Rancangan Malaysia Ke Lima, iaitu 3 aspek penting bagi perbandaran luar bandar iaitu:

1. Pembangunan pertanian yang menggunakan pengurusan secara estet bagi pekebun kecil.
2. Menggalakkan Industri kampung dan kegiatan ekonomi bukan pertanian.
3. Penyusunan semula kampung-kampung tradisional.¹²

Sebagai kesimpulannya, objektif RISDA dalam melaksanakan Rancangan Mini Estet ini boleh diringkaskan seperti berikut;

1. Membentuk masyarakat yang lebih teratur dan bersikap positif terhadap usaha-usaha pembangunan.
2. Menjamin pendapatan penduduk yang lebih baik bukan sahaja dari kegiatan pertanian tetapi juga aspek-aspek industri bukan pertanian.

3. Melahir, membina dan memajukan usahawan-usahawan di kalangan pekebun kecil.
4. Meningkatkan daya pengeluaran pekebun kecil melalui penggunaan secara optima dan efisien sumber-sumber semula jadi.
5. Membangunkan ladang secara berkelompok dengan menggunakan teknologi moden.
6. Memudahkan agensi-agensi kerajaan membekalkan segala kemudahan dan pembangunan ke kampung yang tersusun, berkelompok dan setempat.
7. Mewujudkan pusat-pusat bandar di kawasan pendalaman.
8. Mewujudkan peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan.

2.2.b Peringkat-peringkat Penubuhan

Bagi menubuhkan Rancangan Mini Estet, peringkat-peringkat tertentu terpaksa dilalui dan ia bergantung kepada kelayakan pekebun kecil untuk menyertai projek ini, antaranya:

1. Pekebun kecil yang kehilangan pendapatan utama dalam tempoh masa getah tua mereka ditebang untuk ditanam semula dan tidak berpeluang mendapat pekerjaan lain.
2. Pekebun kecil yang tidak mempunyai keupayaan lain atau tidak ada tenaga untuk menguruskan kerja-kerja menanam semula.
3. Pekebun kecil tidak bermastautin di kawasan kebun mereka dan mempunyai kelayakan bagi mendapatkan bantuan.

Syarat-syarat juga dikenakan ke atas tanah kebun itu sendiri, di mana ia hendaklah dalam satu blok yang bersebelahan. Tujuannya supaya mudah untuk melakukan kerja-kerja secara serentak. Keluasan kawasan setelah disatukan hendaklah tidak kurang dari 100 ekar tetapi tidak melebihi 1,000 ekar.

Kelayakan menyertai Mini Estet ini juga diberikan kepada tanah kosong. Tanah-tanah ini tidak dikerjakan kerana ketidakupayaan pekebun kecil mengusahanya. Ini berpunca dari kekurangan tenaga dan modal.

2.2.c Atur Cara Penubuhan Mini Estet

Peringkat	Aktiviti
A	Kempen penerangan
B	Permohonan Tanam Semula/Baru
C	Permohonan untuk menyertai Rancangan Mini Estet
D	Penubuhan Jawatankuasa Mini Estet
E	Memproses Permohonan tanah Semula/Baru
F	Kajian Kesesuaian
G	Tawaran
H	Jawatankuasa membuka tender/sebutharga
I	Jawatankuasa memilih tender
J	Kertas kerja dan aliran tunai
K	Jawatankuasa kredit
L	Penerimaan menjadi peserta/borang penerimaan
M	Caveat pemegang Lien dan Surat Perjanjian
N	Surat penerimaan tender oleh pemborong
O	Surat perjanjian kontrek/wang amanah
P	Pembangunan Mini Estet

Sumber: Manual Mini Estet 1982. RISDA KL Hal. 7

Kejayaan memenangi tender ini bergantung kepada kecekapan dan kepercayaan jawatankuasa kepada kontraktor tersebut, serta menawarkan harga yang terendah. Ini bertujuan untuk mengurangkan kos dan menjamin supaya kerja-kerja dapat berjalan mengikut jadual yang ditetapkan.

Kertas kerja oleh badan penganjur diperlukan untuk menjelaskan anggaran perbelanjaan dari peringkat menebang hingga ke peringkat mengeluarkan hasil. Termasuk di dalamnya perbelanjaan premium tanah, cukai tanah, tukar syarat tanaman dan bayaran jaminan pendapatan. Kemudian kertas kerja ini dibincangkan dalam mesyuarat jawatankuasa. Di sinilah keputusan dibuat.

Setelah jawatankuasa meluluskan kertas kerja dan dipersetujui oleh semua peserta, mereka dikehendaki menandatangani satu perjanjian, di borang perjanjian Mini Estet. Perjanjian itu menyatakan, pekebun kecil tidak dibenarkan menarik diri sekurang-kurangnya 12 tahun dan tidak dibenarkan menukar hak milik. Tujuan syarat ini dikenakan supaya tanah-tanah tersebut dapat terus dimajukan.

Selepas perjanjian ditandatangani, geran-geran mereka diserahkan kepada pihak penganjur untuk pendaftaran 'careat pemegang Lien'. Geran-geran tersebut dipegang sehingga semua kredit dijelaskan oleh peserta.

Apabila semua urusan selesai, kerja-kerja pembangunan ladang dimulakan sehingga ke peringkat menanam anak benih.

2.2.d Tanggungjawab Badan Penganjur

Di antara tanggungjawab badan penganjur ialah:

1. Badan penganjur bersetuju untuk mengendalikan kerja-kerja penanaman, penyelenggaraan, memungut hasil dan memasarkan hasil bagi tempoh yang dipersetujui. Ia juga menanggung kos pembangunan tersebut dan setelah menolak bantuan tanaman semula/baru bakinya dikira sebagai kredit.
2. Badan penganjur boleh memberi pinjaman bulanan kepada peserta yang layak mendapat bantuan tanaman semula getah/kelapa sawit mengikut jangkamasa yang ditetapkan. Setelah jangkamasa tersebut, pembayaran jaminan pendapatan akan diberhentikan kerana kebun-kebun sepatutnya telah mengeluarkan hasil. Dalam hal ini pihak penganjur menyediakan segala arahan yang berhubung dengan penyelenggaraan ladang, pemungutan hasil pengeluaran hasil dan panduan teknikal.
3. Apabila kebun tersebut mengeluarkan hasil, setelah menolak bayaran bulanan yang ditetapkan, kos penyelenggaraan kawasan dan memasarkan hasil, badan penganjur akan menggunakan wang lebihan dari hasil kebun sebagai ansuran bayaran terhadap kredit yang diperolehi oleh peserta dari badan tersebut. Semua perbelanjaan seperti pembayaran careat dan cukai tanah tahunan dimasukkan dalam akaun peserta.

Dari proses yang dilalui oleh peserta dan badan penganjur sepertimana di atas, menunjukkan usaha RISDA bagi membantu memajukan tanah pekebun kecil. Ia juga melatih pekebun kecil dalam bidang pengurusan. Ini kerana setelah peserta menyelesaikan segala kredit, tanggungjawab pengurusan akan diserahkan kepada jawatankuasa.

3.1 Kampung Parit Seraya

3.1.1 Latar Belakang

Kampung Parit Seraya telah dibuka pada tahun 1910. Pada awalnya hanya terdapat 6 buah rumah sahaja. Sebahagian besar dari penduduknya terlibat dengan kegiatan pertanian seperti menanam ubi kayu, keladi, keledak, jagong dan pisang. Manakala getah hanya ditanam pada tahun 1920 sebagai pagar sempadan. Pada tahun 1930, getah mula ditanam secara komersial. Orang pertama yang menerima bantuan tanam semula getah ialah Tuan Hj. Sapari b. Hj. Abdul Aziz pada tahun 1959. Beliau adalah cucu kepada Tuan Hj. Marjunid, yang membuka kampung tersebut.¹³

Kampung ini terletak di Mukim Sg. Pinggan di daerah Pontian. Selain dari Parit Seraya, terdapat 3 kampung lagi yang termasuk dalam projek kampung tersusun, iaitu Parit Selangor, Parit Hussin dan Parit Marjunit. Kampung Parit Seraya merupakan Fasa pertama projek pembangunan Bersepadu Johor Barat. Ia dihubungkan oleh 6 kilometer jalan tanah merah dan 9 kilometer jalan tar dengan pekan terdekat iaitu Benut. Kawasan ini juga dilintasi oleh jalan tidak berturap (secondary) yang dibina oleh projek Johor Barat. Jalan ini menghubungkan bandar Rengit dengan Pekan Nenas. (Lihat peta I)

3.1.2 Masalah Pekebun Kecil Sebelum Penubuhan Mini Estet

1. Bergantung kepada hasil kebun sebagai punca pendapatan

Sebahagian besar dari pekebun kecil di kawasan ini bergantung semata-mata kepada hasil kebun mereka sebagai sumber pendapatan. Oleh itu jika pokok-pokok getah telah tua, hasil yang diperolehi tidak cukup untuk menampung perbelanjaan harian mereka. Sungguhpun begitu, mereka

enggan menanam semula kerana takut kehilangan punca pendapatan. Di Parit Seraya, 70% kawasan dari 307 ekar terdiri dari kawasan kebun getah tua (Jadual 1).

2. Kebun-kebun terpencil dan tidak ekonomik

Saiz tanah yang dikatakan ekonomik ialah lebih dari 7.5 ekar sepertimana yang dicadangkan oleh Bank Dunia.¹⁴ Di Malaysia, purata keluasan tanah pekebun kecil yang berdaftar dengan RISDA ialah 5.62 ekar/2.27 hektar.¹⁵ Manakala di kampung Parit Seraya 91.5% memiliki tanah kurang dari 5 ekar (Jadual II).

Keluasan tanah yang tidak ekonomik menyebabkan pengeluaran ketika itu terlalu rendah iaitu hanya 447 kg sehektar dalam masa setahun dan pendapatan yang diterima kurang \$70 sebulan.¹⁶

Masalah ini terjadi kerana kawasan kebun terletak bertaburan. Ia diperumitkan lagi sekiranya pemilik tanah tinggal jauh dari kebun mereka. Akibatnya tanah tersebut tidak diusahakan. Keadaan seperti ini akan menjadi masalah yang besar sekiranya tanah tersebut terletak ditengah-tengah kawasan tanah orang lain.

3. Tanah Tanpa hak milik

Perkara ini juga merupakan salah satu masalah besar. Ia terjadi kerana penerokaan tanah-tanah baru tidak mendapat kelulusan kerajaan atau tidak mampu membayar premium tanah. Pekebun-pekebun yang terlibat, kebanyakannya tidak mempunyai geran tanah. Di kampung Parit Seraya, dari seramai 71 orang yang memohon Mini Estet, 34 orang daripada tidak mempunyai geran tanah. Ini melibatkan 136 ekar tanah. (Jadual III).

Tanah-tanah yang tidak mempunyai geran ini tidak dapat ditanam semula kerana RISDA hanya memberi bantuan tanam semula kepada pemilik yang mempunyai geran. Manakala pekebun kecil pula tidak mempunyai modal untuk mengusahakannya sendiri. Akibatnya, kawasan seluas 307 ekar terdiri dari kebun getah tua dan tanah terbiar (Jadual I)

4. Tiada kemudahan infrastuktur

Ketiadaan infrastuktur yang sempurna seperti jalan raya menyebabkan kesukaran perhubungan antara kampung tersebut dengan kawasan-kawasan lain. Pada masa itu, Parit menjadi alat pengangkutan yang penting untuk membawa hasil-hasil pertanian bagi dipasarkan.^{1.7} Kesukaran perhubungan ini mengakibatkan khidmat pengembangan dari agensi-agensi kerajaan kurang dinikmati oleh penduduk.

5. Kekurangan tenaga kerja

Kesulitan hidup yang dihadapi di kampung tersebut menyebabkan sebahagian besar tenaga muda berhijrah keluar, terutamanya ke Singapura untuk mendapatkan pendapatan yang lumayan. Kebun-kebun hanya diusahakan oleh orang tua mereka, yang kurang berpengetahuan berhubung dengan teknologi pertanian. Akibatnya pemindahan teknologi sukar dan lambat diterima.

6. Masalah bencana Alam

Masalah ini sukar untuk diatasi oleh penduduk Parit Seraya. Jenis tanah gambut dan sistem perparitan yang tidak sempurna menyebabkan kebun-kebun di kawasan ini sering terbakar semasa musim kemarau dan banjir, apabila hari hujan.

Jadual I

Kawasan Asal Mini Estet Parit Seraya

Jenis Tanah	Luas (ekar)	Peratus
1. Kebun getah tua	215	70
2. Tanah kosong	92	30
Jumlah	307	100

Sumber: Buku Rekod Mini Estet Parit Seraya

Jadual II

Saiz Kebun dan Bilangan Peserta

Saiz Tanah (ekar)	Bil. Peserta	melonggok	Peratus
0 - 1.7	4	4	5.6
1.7 - 3.4	28	32	45.0
3.4 - 5.1	33	65	91.5
5.1 - 6.8	2	67	94.4
6.8 - 8.5	3	70	98.6
8.5 - 10	1	71	100
Jumlah	71		

Sumber: Buku Rekod Mini Estet Parit Seraya


Jadual III

Kedudukan Tanah Peserta

Kedudukan Tanah	Bil. Peserta	Jumlah Keluasan (ekar)
Tanah bergeran	37	171
Tanah tanpa Geran	34	136
Jumlah	71	307

Sumber: Daftar Permohonan Mini Estet Parit Seraya
Tahun 1979, RISDA KL.

Peta 1



Kedudukan Mini Estet Parit Seraya

Petunjuk;



Ladang Mini Estet Parit Seraya.



Ladang Mini Estet Parit Seraya Fasa 11



Skim Perumahan Mini Estet.

PIHAK BERUSAHA KEMAJUAN PERSEKUTUAN KECIL PERUSAHAAN GETAH
 PROJEK MINI ESTATE PARIT SERAYA PONTIAN
 =====



Kawasan diambil oleh Kerajaan
 3.0.00

BIL. PERSEKUTUAN: 70 Orang
 BIL. LOT : 81
 LUAS : 310-0-11



3.2 Minit Estet Parit Seraya

3.2.1 Latar Belakang

Sebelum projek baru ini dilaksanakan, telah terdapat sistem getah berkelompok yang diselenggarakan oleh RISDA. Sistem ini kurang mendapat sambutan dari pekebun kecil. Menurut En. Ali b. Razali, Naib Pengerusi dan juga pengurus Minit Estet Parit Seraya, hanya 15 orang yang mahu menyertainya. Sifat negatif ini berpunca dari pengeluaran hasil yang terlalu rendah. Seorang pekebun hanya memperolehi 3 atau 4 keping getah sehari. Ini ditambah lagi dengan masalah pengangkutan hasil ke tempat memproses yang disediakan. Oleh itu sebahagian besar dari pekebun kecil lebih berminat untuk membuat 'getah buku'.¹⁸

Kegagalan sistem getah berkelompok ini menyebabkan RISDA menukar rancangan, tanpa mengubah matlamatnya iaitu untuk meninggikan dan memodenkan sosio-ekonomi pekebun kecil. Kempen penerangan telah dilancarkan apabila didapati keadaan tanah-tanah di kawasan tersebut memenuhi syarat-syarat yang diperlukan bagi penubuhan Mini Estet.

Seterusnya jawatankuasa Mini Estet ditubuhkan (Rajah I). Setelah beberapa proses dijalankan kerja-kerja ladang telah dimulakan pada 1979.

3.2.2 Objektif Mini Estet Parit Seraya

RISDA Wilayah Pontian telah menggunakan serampang 7 mata bagi mencapai objektifnya, iaitu:

1. Semua getah tua ditanam semula dengan **benih kelapa sawit** yang bermutu tinggi.

2. Jangkamasa kelapa sawit akan mengeluarkan hasil adalah tidak lebih daripada $2\frac{1}{2}$ tahun.
3. Tanah digunakan sepenuhnya untuk menentukan pendapatan tidak kurang daripada \$500 sebulan.
4. Penyelarasan ladang akan dijaga dengan teratur supaya hasil kelapa sawit adalah seperti berikut:-


Tahun 1 - 0.15 m / tan / bulan / ekar

Tahun 2 - 0.44 m / tan / bulan / ekar

Tahun 3 - 0.76 m / tan / bulan / ekar

Tahun 4 - 0.88 m / tan / bulan / ekar

5. Hasil yang dikeluarkan adalah bermutu dan mendapat harga yang berpatutan.
6. Masyarakat pekebun kecil melibatkan diri secara langsung dalam program pembangunan usahawan, Industri kampung dan koperasi.
7. Semua peringkat masyarakat pekebun kecil diberi pelajaran atau latihan vokasional.

ORGANISASI PENGURUSAN MINI ESTET PARIT SERAYA 1987/88

3.3 Program Yang Dijalankan

2 aspek penting yang ditekankan dalam melaksanakan projek Mini Estet ini ialah:

1. Pembangunan ladang
2. Pembangunan Masyarakat

3.3.1 Pembangunan Ladang

Walaupun kampung ini telah dizonkan di dalam kawasan penanaman nenas, di bawah Perancangan Projek Johor Barat, tetapi disebabkan permintaan pekebun kecil beserta sokongan RISDA, pihak Johor Barat telah meluluskan Mini Estet ini ditanam dengan kelapa sawit sebagai percubaan.

Kawasan Mini Estet ini mengandungi 85 lot dengan melibatkan seramai 71 orang peserta. Kawasan ini asalnya terdiri dari 215 ekar/88 hektar kawasan getah tua dan 92 ekar/37.85 hektar tanah terbiar (Jadual 1).

Bersesuaian dengan konsep Mini Estet, tanah-tanah yang dahulunya 91.5% kurang dari 5 ekar (Jadual II) telah berjaya disatukan menjadi 307 ekar. Keluasan tanah ini membolehkan pembangunan tanah dijalankan dengan menggunakan teknologi moden.

3.3.1.(a) Pengeluaran Hasil

Mini Estet ini mula mengeluarkan hasil pada tahun 1982. Kadar purata tahunan pengeluaran dari tahun 1982 hingga 1987 seperti berikut:

Jadual IV

Pengeluaran Hasil (Purata Tahunan)

Tahun	Jumlah Pengeluaran (metrik/tan)	Pengeluaran (Seekar/Tahun)	Pengeluaran (Seekar/Bulan)
1982	323.215	1.05	0.15
1983	1649.33	5.37	0.44
1984	2828.54	9.21	0.76
1985	3265.93	10.63	0.88
1986	3662.11	11.92	0.99
1987	3036.64	9.88	0.82

Sumber: Rekod Kewangan Mini Estet Parit Seraya

Hasil keluaran telah meningkat dari tahun ke tahun, di mana pada tahun 1986 terdapat lebih hasil keluasan sebanyak 10.87 tan metrik bagi seekar berbanding dengan tahun 1982. Namun begitu per-tambahan keluaran tidak dapat dikekalkan pada tahun 1987. Pada tahun tersebut terdapat kekurangan sebanyak 2.04 tan/m seekar berbanding dengan tahun 1986.

Sungguhpun begitu, kekurangan pengeluaran ini tidak menjejaskan pendapatan hasil kerana kelapa sawit mengalami kenaikan harga. Pada tahun 1987, purata harga bagi setan kelapa sawit ialah \$142.96 berbanding dengan \$75.92 pada tahun 1986 (Jadual IV dan V).

Hasil Pengeluaran Mini Estet Parit Seraya Tahun 1987

Tarikh	Pengeluaran	Harga/tan	Jumlah Hasil	Upah/tan(\$)	Jumlah Upah	Jumlah Bersih
Januari	208.490	118.36	24,676.88	31.00	6,463.19	18,213.68
Februari	202.390	127.64	25,833.06	31.00	6,274.09	19,558.97
Mac	172.270	110.23	13,648.95	31.00	5,340.37	13,648.95
April	214.380	144.795	31,641.15	41.50	8,896.77	22,144.38
Mei	195.580	141.265	27,628.61	41.50	8,116.57	19,512.04
Jun	336.820	149.615	50,393.32	41.50	13,978.03	36,415.29
Julai	358.680	141.725	50,748.88	41.50	14,850.32	35,898.56
Ogos	392.240	136.730	53,630.98	41.50	16,277.96	37,353.02
September	321.440	144.20	46,351.65	41.50	13,339.70	33,611.89
Oktober	252.700	151.70	38,334.59	41.50	10,487.05	27,847.54
November	238.550	156.55	37,345.00	41.50	9,899.83	27,445.17
Disember	143.100	192.77	27,585.38	41.50	5,938.65	21,646.73
Jumlah	3,036.04		414,481.16		101,794.94	312,686.22

Sumber: Rekod Kewangan Mini Estet Parit Seraya

Purata harga/tan = \$142.96

3.3.1.(b) Kerja-kerja Pembangunan Ladang

(1) Kerja-kerja Kontrek

Sebagai satu usaha mewujudkan golongan usahawan di kalangan pekebun kecil. Jawatankuasa Mini Estet Parit Seraya serta ahli-ahlinya telah diberi bimbingan dan galakan. Di antaranya membuat kerja-kerja kontrak pembangunan ladang.

Keupayaan mereka terbukti apabila mereka berjaya membangunkan beberapa buah Mini Estet di kawasan berhampiran. Hasil keuntungan yang diperolehi sebanyak \$65,075.10 dari dua buah Mini Estet, iaitu Parit Selangor dan Parit Hj Abd. Rahman, membolehkan Mini Estet Parit Seraya Fasa II di buka.

Jadual VII (a)

Projek-projek Yang Dijalankan

Mini Estet	Luas (ekar)	Tahun dimajukan	Keuntungan
1. Parit Selangor	288	1982	46,377.00
2. Parit Hj. Abd. Rahman	162	1984	18,698.10
3. Parit Marjuni*	80.23	1987	-
4. Parit Seraya Fasa II	69.50	1987	-

Sumber: Rekod Mini Estet Parit Seraya

Selain dari kerja-kerja kontrek di atas, jawatankuasa juga berjaya mengambil kerja-kerja kontrek penyelenggaraan ladang samada di Mini Estet Parit Seraya sendiri atau lain-lain Mini Estet. Kerja-kerja penyelenggaraan ini termasuklah membaja, merumput, memetik dan

lain-lain. Untuk maksud ini, kebijaksanaan Ahli Jawatankuasa diperlukan bagi menganggarkan perbelanjaan sesuatu projek bagi memenangi tender. Tender biasanya dikeluarkan oleh RISDA. Kejayaan dan keupayaan Ahli jawatankuasa Mini Estet Parit Seraya ini adalah merupakan satu kemajuan bagi pekebun kecil dalam bidang pengurusan.

(ii) Sistem Bekerja

Mini Estet Parit Seraya mengamalkan sistem bekerja "gotong royong bergaji." Pekerja-pekerja tidak dibahagikan kepada blok-blok tertentu sepertimana yang diamalkan oleh pekerja Estet Swasta.¹⁹ Pekerja terdiri dari peserta dan anak-anak peserta.

Setiap pembahagian kerja ditentukan oleh pengurus ladang dan ketua pekerja. Pekerja-pekerja yang mendaftar untuk bekerja pada hari tersebut, akan dibahagikan kepada tiga kumpulan iaitu memetik, memungut dan mengangkut. Mereka akan bekerja bersama-sama dari lot ke lot. Bilangan pekerja biasanya berubah-ubah kerana Mini Estet ini tidak menggunakan pekerja yang tetap.

Upah pula bergantung kepada jumlah tan yang dihasilkan. Misalnya semasa kajian dijalankan upah yang diperolehi ialah \$41.50 bagi setiap tan. Pembayaran bagi setiap pekerja pula bergantung kepada jumlah jam mereka bekerja.

Dalam satu hari, pekerja akan bekerja selama 5 jam iaitu dari 8.00 pagi hingga 11.00 pagi dan petang pula dari pukul 2 petang hingga 4 petang. Pemungutan hasil dilakukan tiga kali sebulan. Di mana satu pusingan memerlukan 7 hari bagi menghabiskan ladang seluas 307 ekar.

Bagi kerja-kerja lain seperti merumput, membaha dan meracun, jumlah upah dikira secara ekar iaitu \$15.00 sekar. Manakala pembayaran bergantung kepada jumlah hari bekerja.

(iii) Pemasaran Hasil

Pemasaran hasil, merupakan perkara penting bagi menjamin pendapatan pekebun kecil. Bagi Mini Estet Parit Seraya, sejak tahun 1984, tugas-tugas pemasaran dilakukan oleh Koperasi Pekebun Kecil Pontian (KEPAK). KEPAK bertanggungjawab mengangkut kelapa sawit dan menjualnya ke kilang-kilang yang telah ditentukan melalui tender oleh Koperasi Pekebun Kecil Getah Nasional Berhad (NARSCO). Melalui pembelian secara tender ini, pekebun kecil dapat menikmati harga yang lebih tinggi jika dibandingkan dengan harga yang diperolehi oleh pekebun persendirian.

3.3.2 Pembangunan Masyarakat

Aspek kedua yang diutarakan oleh RISDA ialah membangunkan masyarakat luar bandar. Bersesuaian dengan matlamat ini, Projek kampung tersusun telah dilaksanakan. Projek ini bertujuan untuk mewujudkan satu perkampungan moden, hasil dari pembangunan yang dirancang berasaskan penyusunan semula dan penggunaan optima sumber-sumber pengeluaran tempatan, seperti tanah, tenaga manusia, kewangan, pengurusan, serta alam sekeliling yang bertujuan untuk meningkatkan pengeluaran, menambah pendapatan dan mewujudkan masyarakat yang berdikari, dinamis dan progresif.

Bagi mencapai matlamat di atas, beberapa langkah telah dijalankan antaranya:

1. Skim Perumahan

Skim perumahan ini dimulakan pembinaannya pada pertengahan tahun 1982. Ia mengandungi 47 buah rumah dengan kos pembinaan satu unit rumah tidak termasuk insuran dan tanah ialah \$11,848.93. Rumah ini dijual dengan harga \$18,676.43 beserta tanah dan jika dibina di atas tanah sendiri, harganya \$15,476.93.

Rumah-rumah ini mula didiami pada tahun 1984. Ia hanya ditawarkan kepada peserta dan anak-anak peserta sahaja. Pembayaran balik kos tersebut boleh dilakukan serara beransur-ansur selama 20 tahun melalui pemotongan hasil jualan. Jumlahnya bergantung kepada hasil yang diperolehi. Pada tahun 1987, bayaran yang dikenakan ialah sebanyak \$94.50 sebulan bagi rumah dan tanah. Manakala rumah sahaja \$78.29 sebulan. Rumah tersebut berukuran 22 x 28, mengandungi 2 bilik tidur, sebuah ruang tamu dan dewan makan. (Rajah II)

2. Projek Kontan Nenas Secara Berkelompok

Setelah kelapa sawit ditanam dan sementara menunggu hasil dikeluarkan, RISDA telah menggalakkan peserta menanam penanaman kontan termasuklah Nenas, Pisang dan buah-buahan secara berkelompok.

3. Ternakan Biri-biri

Projek ini telah dimulakan pada November 1983. Awalnya, ia dijalankan oleh dua orang peserta secara individu melalui pinjaman dari tabung Mini Estet. Projek ini adalah usaha antara RISDA dengan PORIM.

Kejayaan kedua peserta ini telah menimbulkan minat bagi ahli jawatankuasa Mini Estet, membesarkan projek ini dan dijalankan secara berkelompok. Dengan bantuan dari Kementerian Pembangunan Negara dan luar bandar sebanyak \$12.860 pada tahun 1986. Mini Estet berkeupayaan memelihara ternak sebanyak 52 ekor biri-biri dengan kemudahan seperti reban dan kawasan makan biri-biri yang berpagar.

4. Jem Nenas

Industri ini diusahakan oleh ahli jawatankuasa Mini Estet atas dorongan RISDA dan MARDI pada tahun 1984 sebuah syarikat perniagaan telah didaftarkan dengan nama 'SERAYA ENTERPRISE'. Bagi memajukan lagi industri ini RISDA telah memberi bantuan modal sebanyak \$25,973.20 untuk pembinaan sebuah kilang mini. Lain-lain peralatan termasuk mesin mengisar nenas telah dibeli dengan menggunakan wang tabung Mini Estet dengan harga \$5,500 sebulan. Kilang ini telah menggunakan 4 orang pekerja terdiri dari anak-anak peserta dengan keluaran 300 botol sebulan. Jem-jem yang menggunakan jenama 'MESRA' ini dipasarkan melalui perdagangan pekebun kecil (USAPEK), kedai runcit dan KEPAK.

3.4 Penilaian

1. Sistem bekerja

Konsep gotong royong diterapkan dalam Mini Estet bertujuan untuk melahirkan semangat kerjasama dan perpaduan di kalangan masyarakat. Konsep ini dapat mengikis sikap mementingkan diri dan menganggap Mini Estet ini adalah hak bersama.

Sifat kerjasama dan saling bantu membantu, diperlihatkan apabila pekerja-pekerja bersedia menyimpan \$1 sebulan, daripada pendapatan mereka setiap bulan untuk mengisi tabung kebajikan pekerja. Tabung ini akan dikeluarkan sekiranya pekerja memerlukan wang dalam masa kecemasan.

Dari satu aspek lain, sistem ini ada kelemahannya. Dari pemerhatian pengkaji pada 6hb Jun 1988, hampir 60% pekerja terdiri dari belia lepasan sekolah yang berusia 16 hingga 20 tahun. Disebabkan tiada tanggungan keluarga. Mereka bekerja sambil lewa. Kesannya, pemungutan hasil mengambil masa yang lama, malah terdapat buah yang telah cukup tua tidak dipetik atau buah-buah yang tercerai dari tandan tidak dipungut. Keadaan seperti ini sekiranya tidak diawasi, akan menjejaskan jumlah pengeluaran hasil.

Pendapatan pekerja juga boleh terjejas, sekiranya jumlah pekerja terlalu ramai. Ianya terjadi kerana sistem 'gotong royong bergaji' ini membuat pembahagian pendapatan yang sama rata kepada semua pekerja-nya. Masalah ini lebih serius sekiranya jumlah keluaran kelapa sawit rendah. Kesannya hanya dirasakan oleh pekerja-pekerja yang telah ber-keluarga. Wajarnya, masalah ini menyebabkan masih terdapat peserta yang mencari pekerjaan di luar di mana penghijarahan sementara berlaku. Ia bermaksud pekerja tidak membawa keluarganya bersama-sama.

2. Pemasaran Hasil

Sungguhpun, pekebun kecil tidak menghadapi masalah eksploitasi dari orang tengah atau ketidakstabilan harga tetapi sejak akhir-akhir ini berlaku kelewatan mengangkut kelapa sawit ke kilang. Menurut pengurus Mini Estet Encik Ali Razali, pada bulan Mei 1988, hampir dua

minggu buah kelapa sawit terbiar ditepi jalan. Kelewatan memasarkan buah kelapa sawit ini menyebabkan harganya menjadi lebih rendah.²⁰

Masalah ini terjadi kerana KEPAK tidak dapat menyediakan lori yang mencukupi bagi mengangkut kelapa sawit, sedangkan jumlah ladang Mini Estet bertambah dan sebahagian daripada lori-lori tersebut digunakan untuk mengangkut kelapa sawit dari ladang persendirian.

3. Skim Perumahan

Projek RISDA ini, memberi kemudahan kepada peserta dan anak-anak peserta yang tidak memiliki rumah sendiri. Skim ini telah mengalakkan anak-anak peserta yang berhijrah kembali ke kampung. Selain dari terdapatnya peluang pekerjaan di ladang, keluarga mereka juga mendapat tempat perlindungan yang selesa jika dibandingkan dengan kehidupan mereka di bandar.

Sistem petempatan berkelompok dan teratur ini memperkukuhkan lagi perhubungan masyarakat, perpaduan dan semangat gotong royong dapat dilihat dalam aktiviti-aktiviti sosial dan kerohanian yang dijalankan. Misalnya, pada setiap malam Jumaat kaum lelaki berkumpul di surau atau di rumah peserta untuk membaca Yasin. Wanita juga menjalankan aktiviti yang sama pada siangnyanya. Aktiviti kemasyarakatan ini di bawah kawalan ahli jawatankuasa Mini Estet.

4. Projek Kontan Nenas dan Ternakan Biri-biri

Kedua-dua projek di atas telah memberi pulangan yang baik kepada Mini Estet. Projek kontan Nenas misalnya telah memberi peluang pekerjaan kepada peserta sementara mendapatkan hasil dari kelapa sawit.

Di awal projek ini dijalankan, kerja-kerja menanam dilakukan oleh kaum wanita dan lelaki. Bayaran upahnya ialah \$6.50 hingga \$8.00 sehari bagi wanita dan \$10 sehingga \$16 bagi lelaki. Setelah pemungutan hasil, seorang peserta memperolehi pendapatan sebanyak \$16 sehingga \$20 sehari, ia bergantung kepada bilangan biji nenas yang dipetik.

Bagi Mini Estet sendiri, keuntungan yang diperolehi dari tanaman nenas jenis Nenas Merah seluas 257 ekar dan 50 ekar lagi dengan Nenas Morris ialah \$74,985.00. Keuntungan ini telah menambah wang tabung Mini Estet bagi kegunaan projek-projek lain.

5. Projek Jem Nenas

Sungguhpun ahli jawatankuasa dan RISDA berusaha menjayakan projek ini tetapi akhirnya ia terpaksa diberhentikan. Masalah pasaran menjadi punca utama kegagalan projek ini. Jem-jem berlebelkan 'MESRA' ini tidak berkeupayaan menandingi pasaran jem-jem dari jenama yang sudah terkenal. Keadaan ini menyebabkan pasarannya terhad di daerah Pontian sahaja. Selain dari itu kos pengeluarannya bertambah setelah bekalan nenas dari Parit Seraya sendiri berkurangan. Nenas-nenas terpaksa dibeli dari daerah lain di Pontian yang melibatkan kos pengangkutan.

Kegagalan projek ini telah merugikan pelaburan sebanyak \$31,473/- dan punca pendapatan kepada 4 orang pekerja tetapnya. Semasa pengkaji menjalankan kajian masih belum ada projek baru yang dilakukan menggantikan projek ini.


Cadangan

1. Untuk mengatasi masalah dalam sistem bekerja pihak Mini Estet mesti melantik ketua pekerja bagi setiap kumpulan iaitu ketua pekerja bagi pekerja-pekerja memetik, memungut dan mengangkut. Ketua pekerja ini bertanggungjawab memastikan pekerja-pekerja di bawahnya bekerja dengan cekap. Denda, boleh dikenakan kepada pekerja-pekerja yang bekerja sambil lewa, misalnya memotong sedikit upah mereka atau dipindahkan ke bahagian lain. Mini Estet juga mesti memastikan pekerja yang diambil bekerja tidak terlalu muda bagi mengelakkan sikap "bekerja kerana suka-suka".

2. Untuk mengatasi masalah kelewatan pengangkutan, Mini Estet boleh menggunakan wang tabung untuk membeli lori. Cara ini bukan sahaja dapat menyelesaikan kesulitan di atas tetapi juga dapat menjimatkan kos pengangkutan. Kos pengangkutan yang perlu dibayar oleh Mini Estet ialah \$15 setan.

RAJAH 11

PELAN RUMAH KAMPUNG TERSUSUN.



Sumber; Buku Rakod Mini Estet Parit Seraya
1979 - 1984.



Longgokkan Kelapa Sawit yang belum diangkut.
Gambar diambil pada 6hb. Jun 1988.



Kilang dan Mesin pengisar jem nenas yang tidak digunakan.



Jem-jem nenas yang terbuang kerana tidak dapat dipasarkan.

SOSIO-EKONOMI PEKEBUN KECIL DI PARIT SERAYA4.1 Pendapatan Peserta

Sistem bekerja yang dilaksanakan dalam Mini Estet ini, memberi peluang kepada peserta memperoleh pendapatan yang lumayan. Sekiranya mereka rajin dan sanggup melakukan semua kerja-kerja yang ditawarkan. En. Saliman bin Ahmad misalnya memperoleh gaji memetik buah sebanyak \$20 sehari. Jika beliau bekerja 14 hari (3 pusingan) pendapatannya ialah \$280 sebulan. Beliau juga mendapat upah dari kerja-kerja lain termasuklah merumput dan membaja. Sekiranya dijumlahkan semua upah yang diperolehi dalam masa sebulan ialah lebih kurang \$400 sebulan. Pendapatan ini mencukupi baginya menyara keluarga seramai enam orang.

Bagi peserta yang memiliki tanah di Mini Estet pula, mereka memperoleh pendapatan yang tetap setiap bulan. Misalnya, Puan Ngatimah menanggung keluarga selepas kematian suami, berpendapatan \$500 sebulan, hasil dari tanah seluas 8.62 ekar selepas ditolak kredit rumah dan lain-lain.

Secara umumnya 75% daripada peserta memperoleh pendapatan kurang dari \$400 sebulan (Jadual VIIb). Pendapatan ini lebih baik, jika dibandingkan dengan sebelum adanya projek ini. 10% peserta berpendapatan \$500 - 600 sebulan terdiri dari mereka yang memiliki tanah lebih dari 7 ekar dan peserta yang mempunyai pekerjaan tetap seperti guru, kerani dan tukang kebun.

Jadual VII (b)

Pendapatan Peserta Mini Estet

Jumlah Pendapatan (4)	Bilangan	Peratus	melonggok (%)
101 - 200	1	5	5
201 - 300	5	25	30
301 - 400	9	45	75
401 - 500	3	15	90
501 - 600	2	10	100
Jumlah	20	100	

Sumber: Kaji Selidik pengkaji

4.2 Kemajuan Sosial

Selain dari pertambahan dalam pendapatan, kemajuan sosial atau peningkatan taraf hidup dapat dibuktikan melalui penggunaan barang-barang mewah di kalangan peserta.

Jadual VIII

Pengguna Barang Mewah, peserta Mini Estet Parit Seraya
Pada Tahun 1988

Bil.	Jenis Barangan	Pengguna	Peratus
1	Radio	20	100
2	Television	20 (90% TV warna)	100
3	Peti Sejuk	12	60
4	Kipas angin	16	80
5	Mesin basuh	4	20
6	Dapur gas	15	75
7	Motosikal	20	100
8	Kereta	3	15
Jumlah			100

Jumlah responden 20

Sumber: Kaji selidik pengkaji

Jadual IX

Pengguna Barang Mewah Sebelum 1979

Bil	Jenis Barangan	Pengguna	Peratus
1	Radio	30	15
2	Television	4 (hitam putih)	2
3	Peti sejuk	-	-
4	Kipas angin	-	-
5	Mesin basuh	-	-
6	Dapur gas	-	-
7	Motosikal	4	2
8	Kereta	-	-

Jumlah responden 190

Sumber: Buku rekod Mini Estet Parit Seraya

Merujuk kepada kedua-dua jadual (Jadual VIII dan Jadual IX) terdapat perubahan yang ketara dari aspek penggunaan barang mewah. Sebelum tahun 1979, pekebun kecil hanya berpeluang memiliki radio, television dan motosikal. Hanya 2% berpeluang memiliki television yang menggunakan kuasa bateri berbanding dengan tahun 1988, 100% peserta memilikinya.

Begitu juga dengan motosikal, hampir setiap rumah mempunyai sekurang-kurangnya sebuah motosikal. Kecenderungan membeli motosikal ini bukan saja disebabkan pertambahan pendapatan tetapi juga keadaan jalanraya yang sempurna berbanding dengan tahun sebelum projek ini dijalankan. Ketika itu kampung ini dihubungi dengan jalan-jalan kecil yang sering becak bila hujan. Pada masa ini motosikal menjadi kenderaan penting kerana tiada perkhidmatan kenderaan awam di kawasan ini.

Penggunaan Mesin basuh kain dan dapur gas di kalangan suri-rumah menunjukkan mereka juga menerima cara hidup moden yang tidak dapat dinikmati sebelum ini.

4.3 Kemudahan Asas

Kemudahan asas adalah salah satu aspek penting dalam pembangunan masyarakat. Melalui sistem penempatan berkelompok di Mini Estet ini, 100% penduduknya dapat menikmati bekalan elektrik dan air paip. Bagi memudahkan perhubungan dan memesatkan pembangunan di kawasan ini, jalan tar telah dibina sejauh 3.0 km untuk menghubungkan jalan secondary dengan ladang Mini Estet dan Mini Estet Parit Selangor. Manakala rumah-rumah di kawasan skim perumahan RISDA pula dihubungkan oleh jalan-jalan simen. Untuk kemudahan penduduk Mini Estet sebuah telefon awam telah disediakan.

Jadual X

Kemudahan Asaa Mini Estet Parit Seraya

Tahun mula diterima	Jenis Kemudahan
1985	elektrik
1986	telepon
1987	jalan tar
1987	jalan simen
1988	air paip

Sumber: Buku Rekod Mini Estet Parit Seraya

Kemudahan lain yang dinikmati selepas penubuhan Mini Estet ini ialah Dewan orang ramai yang didirikan di kawasan perumahan. Dewan ini digunakan untuk perjumpaan ahli jawatankuasa, dalam membincangkan

pentadbiran bagi ketiga-tiga kampung berhampiran. Walau bagaimanapun dengan adanya projek Mini Estet di Parit Seraya, keseimbangan pembangunan kampung telah dicapai.

4.4 Sikap

Masalah kurangnya tenaga kerja disektor pertanian adalah kerana sikap golongan belia yang tidak berminat dengan kerja-kerja ini. Dengan penubuhan Mini Estet yang menyediakan peluang-peluang pekerjaan telah menarik minat golongan ini untuk kembali ke kampung mereka. Dalam kajian yang dibuat oleh RISDA didapati sebelum projek Mini Estet dijalankan 50% daripada penduduk Parit Seraya berhijrah terutamanya ke Singapura. Kadar ini berkurangan selepas kewujudan Mini Estet, malah ramai ketua rumah yang kembali untuk mengusahakan ladang mereka. Penghijrahan belia lelaki juga berkurangan dari 24% kepada 4% (Jadual XI). Hasil dari soal selidik pengkaji kebanyakan belia yang berhijrah pada masa ini adalah kerana mendapat pekerjaan tetap (kerja dengan kerajaan).

Jadual XI

Kadar Penghijrahan

	Orang yang terlibat (%)			
	Ketua rumah	Belia (L)	Belia (W)	Jumlah
Sebelum 1979	25	24	1	50
Selepas 1979	-	4	1	5

Sumber: Rekod Penduduk Parit Seraya

Kejayaan RISDA membangunkan Mini Estet Parit Seraya, telah mengubah pemikiran pekebun kecil. Sekarang mereka mempunyai sikap yang optimis terhadap rancangan-rancangan kerajaan. Walaupun pada peringkat awal penubuhan beberapa masalah dihadapi oleh RISDA kerana pekebun kecil takut RISDA menghakmilikan tanah-tanah mereka. Syarat yang dikenakan ke atas tanah iaitu tidak boleh dipecah milik selama 12 tahun menyebabkan rancangan ini ditentang oleh anak-anak pekebun kecil. Akhir sekali, perkara penting yang menjadi punca masalah ialah ketidakpercayaan pekebun kecil akan kejayaan rancangan ini.

Namun begitu sikap ini telah berubah, malah pekebun kecil sendiri yang membuat permohonan untuk menubuhkan Mini Estet di kampung mereka. Ini dibuktikan dengan penubuhan Mini Estet Parit Selangor, Mini Estet Parit Marjunit, Mini Estet Parit Abdul Rahman dan Parit Seraya Fasa II.

Permodenan yang diterima tidak mengubah ciri-ciri tradisional masyarakat kampung. Penerapan konsep gotong-royong, telah mempererat lagi perpaduan masyarakat di Parit Seraya sendiri dan juga kampung-kampung berhampiran. Misalnya, dalam Majlis pembacaan Yasin yang pengkaji sertai, bukan sahaja dihadiri oleh penduduk kampung Parit Seraya tetapi juga penduduk kampung Parit Selangor dan Parit Marjunit.

4.5 Penglibatan Peserta Dalam Perniagaan

Selain dari projek yang dijalankan oleh RISDA (bab 3), peserta-peserta sendiri melibatkan diri dalam perniagaan secara Individu di antaranya:

(i) Perusahaan Tauhu Kering (Pucuk)

Perusahaan ini dijayakan oleh En. Azam b. Saadon pada tahun 1985. Beliau memulakan perusahaan ini setelah mendapat dorongan dan bimbingan dari RISDA dan MARDI. Usaha beliau mendapat perhatian dari pihak Bank Pembangunan Malaysia dan pinjaman Modal sebanyak \$38.000 telah diberikan. Anggaran pengeluaran tauhu kering dalam masa sehari ialah 1,100 bungkus, dan ia dipasarkan melalui KEPAK, PERNAS EDAR, Al Arqam dan Kedai runcit.

(ii) Kedai Runcit dan Kedai Jahit

Terdapat dua buah kedai runcit di Mini Estet Parit Seraya yang diusahakan oleh anak peserta dengan kerjasama PERNAS EDAR. Kedai jahit pula dibuka oleh Puan Rohani yang mendapat latihan dari Pusat Latihan Belia, semasa kajian dibuat, kedai ini menggunakan empat orang pekerja dan lima buah mesin jahit. Beliau bukan sahaja mengambil tempahan dari pelanggan secara individu tetapi juga berjaya mengambil tender membuat uniform sekolah tadika dan Jabatan Kesihatan.

(iii) Keropok Ubi Kayu

Industri ini dikendalikan oleh Puan Napsiah bt Hj Hassan. Beliau berjaya mengeluarkan 1,000 bungkus sebulan bergantung kepada tempahan. Sungguhpun keropok ubi kayu ini mendapat pasaran yang luas, tetapi ia tidak dapat dijalankan secara besar-besaran kerana masalah pemerosesan dan kurangnya bekalan ubi kayu.

4.6 Simpanan

Simpanan disini, dilihat dari aspek kebolehan penduduk menyimpan wang dalam bentuk tabungan. Ia dilakukan, samada oleh individu ataupun secara berkumpulan melalui Mini Estet. Mini Estet Parit Seraya mempunyai tabung kewangan yang kukuh, bagi membolehkan Mini Estet ini melaksanakan projek-projek baru. Sumber utama tabung ini ialah dari keuntungan yang diperolehi melalui kontrek-kontrek pembangunan atau pembinaan Mini Estet baru. (lihat jadual VII(a)). Sehingga akhir tahun 1987, jumlah yang terkumpul ialah \$118,900.

Melalui tabung ini, 100% peserta telah membuat pelaburan didalam Amanah Saham Nasional, di mana awalnya tabung telah memperuntukkan \$70 bagi setiap peserta untuk membuat pelaburan dan \$20 untuk menjadi ahli KEPAK.

Selain dari Amanah Saham Nasional, peserta-peserta juga membuat simpanan di Bank Pertanian dan Tabung Haji. Kesannya pada tahun 1988 terdapat 2 orang peserta yang telah mendaftar untuk memunaikan Haji pada tahun ini.



Ladang Mini Estet Parit Seraya,
Benut, Pontian, Johor.



Kerja-kerja dijalankan secara
gotong-royong bergaji.



Kawasan Skim Perumahan, Kampung tersusun
Mini Estet Parit Seraya.



Rumah peserta yang telah diubahsuai.



Projek ternakan kambing biri-biri
Mini Estet Parit Seraya.



Kedai Runcit yang diusahakan oleh
anak peserta Mini Estet.



Kedai Jahit.

BAB V

Kesimpulan

Selaras dengan Dasar Ekonomi Baru yang bertujuan membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat, RISDA sebagai salah sebuah agensi perkhidmatan telah mengubal strategi pembangunannya. Ia bukan sahaja menumpu kepada getah sebagai komoditi untuk dipertingkatkan pengeluaran, pemerosesan dan pemasarannya malah penekanannya juga kepada pembangunan manusia.

Berdasarkan matlamat di atas, RISDA telah memperkenalkan dan melaksanakan Mini Estet di seluruh Malaysia, di mana pekebun kecil sebagai kumpulan sasaran bagi menjayakan konsep baru ini. Sejak mula rancangan ini diperkenalkan pada tahun 1979 sehingga 1987, terdapat 337 buah rancangan Mini Estet telah dibuka, dengan tanah seluas 91,721 ekar. Ini bermakna 19,064 orang pekebun kecil yang terlibat telah mendapat faedah dari rancangan ini. (Jadual XIII) Meneliti kepada taburan jumlah rancangan Mini Estet yang telah dilaksanakan, didapati Pahang merupakan negeri yang mendapat keutamaan. Setakat ini, 77 buah rancangan yang melibatkan tanah seluas 23,741 ekar telah dilaksanakan di negeri tersebut. (Jadual XII)

Dari pelaksanaan rancangan ini, beberapa rumusan boleh dibuat berdasarkan kepada kajian ini. Antaranya Mini Estet bukan sahaja dapat mengatasi masalah tanah yang tidak ekonomik seperti mana yang dijelaskan dalam bab 3, perlaksanaannya membolehkan pekebun kecil khususnya di kawasan pendalaman menikmati kemudahan asas dan seterusnya mempe rtingkatkan sosio-ekonomi mereka.

Selain dari itu, ia berjaya melahirkan satu organisasi Ahli Jawatankuasa Mini Estet yang terdiri dari pekebun kecil sendiri, di mana mereka mempunyai kemampuan mengurus dan mentadbir sebuah kampung yang tersusun. Kebijaksanaan Ahli Jawatankuasa membuat perancangan dan menyusun belanjawan membolehkan mereka memenangi tender-tender yang ditawarkan. Ini merupakan kejayaan RISDA dalam melatih pekebun kecil menjadi kontraktor yang mahir dan berpengalaman.

Sistem bekerja yang berorganisasi, berkerjasama, memerlukan tolak ansur dan pengawasan ini pula, memberi implikasi sosial kepada peserta yang terlibat. Sikap seperti ini bukan sahaja menjadi faktor utama kejayaan mencapai sesuatu matlamat tetapi juga meunjukkan keadaan ketergantungan (interdependence) antara individu dengan individu lain.²¹ Sikap begini sangat penting untuk melahirkan perpaduan dikalangan masyarakat.

Secara meyoriti peserta yang terlibat boleh dibahagikan kepada dua golongan, iaitu golongan pemilik-pemilik tanah di ladang Mini Estet. Golongan inilah yang merasai perubahan besar dalam sosio-ekonomi. Mereka biasanya menunjukkan sikap yang positif kepada program program yang dijalankan untuk memajukan lagi rancangan ini.

Golongan kedua pula terdiri dari anak-anak peserta yang tidak memiliki tanah tetapi memberi perkhidmatan tenaga kepada rancangan ini. Berbeza dari golongan pertama, golongan ini lebih mementingkan kepada kemudahan-kemudahan yang disediakan. Sekiranya

mereka telah berkeluarga, sikap kesungguhan ditunjukkan semasa bekerja dan mereka tidak hanya bergantung kepada pekerjaan di ladang semata-mata, kerja-kerja lain seperti menoreh getah, mengambil upah memetik buah kelapa sawit di kebun persendirian dan lain-lain untuk menyara keluarga mereka. Bagi golongan ini, yang tidak berkeluarga dan masih dibawah tanggungan ibu-bapa, mereka kurang menunjukkan insentif bekerja. Golongan inilah yang memerlukan pengawasan dari ketua-ketua pekerja.

Namun begitu, kedua-dua golongan di atas saling perlu memerlukan, dimana golongan pertama, setengahnya tidak berkeupayaan untuk bekerja dan kekurangan ini diatasi oleh golongan kedua yang biasanya terdiri dari orang-orang muda. Sistem bekerja yang di amalkan di Mini Estet ini tidak mewujudkan konsep Majikan dan Pekerja. Keadaan seperti ini mengelakkan berlakunya eksploitasi atau rasa tidak puas hati yang mengakibatkan terjadinya konflik kelas seperti mana yang dijelaskan oleh Karl Marx dalam masyarakat industri.²²

Selain dari adanya sikap interdependence, kejayaan pencapaian matlamat yang telah dirancang juga bergantung kepada bimbingan dan perhatian dari agensi-agensi kerajaan yang terlibat seperti MARDI, KEMAS, PORIM dan RISDA sendiri. Sekiranya perkara ini tidak dilakukan, minat peserta untuk menjayakan program-program mulai merosot.

Satu lagi perkara yang perlu diambil perhatian ialah memberi kesedaran kepada peserta, supaya mereka tidak terlalu bergantung kepada hasil ladang sahaja, lebih-lebih lagi pada tahun-tahun kebelakangan ini harga getah dan kelapa sawit melambung naik. Sekira-

nya sikap ini, berterusan matlamat RISDA untuk mengoptimalkan penggunaan punca-punca pengeluaran tidak akan tercapai. Ia juga menjadi faktor kegagalan projek-projek yang telah dijalankan.

University of Malaya

N E G E R I	G E T A H			K E L A P A S A W I T		
	Bilangan Rancangan	Peserta	Ekaratan	Bilangan Rancangan	Peserta	Ekaratan
P.Pinang	-	-	-	1	46	160
Perlis	3	124	467½	-	-	-
Kedah	51	3,015	13,229	6	379	1,257½
Perak	21	1,104	4,733½	10	745	2,861½
Selangor	3	73	630½	4	186	776
N. Sembilan	31	1,745	5,769½	1	90	246½
Melaka	13	608	1,939½	7	559	1,860½
Johor	6	345	1,603½	23	1,463	7,277½
Pahang	70	3,565	20,957	7	459	2,784
Terengganu	34	1,937	12,105½	11	461	2,811½
Kelantan	32	2,056	9,206½	3	104	1,045
Jumlah Besar:	264	14,572	70,641½	73	4,492	21,080

Sumber: Buku Rekod Mini Estet, RISDA, KL.

KEDUDUKAN MINI ESTET YANG TELAH DIBANGUNKAN
MENGIKUT TAHUN

T A H U N	J U M L A H			J E N I S T A N A M A N					
				G E T A H			K E L A P A S A W I T		
	Ranc.	Peserta	Ekaran	Ranc.	Peserta	Ekaran	Ranc.	Peserta	Ekaran
1979	21	1,144	4,610½	17	909	3,538½	4	235	1,072
1980	47	2,686	13,814½	40	2,139	11,681½	7	547	2,133½
1981	96	5,451	28,849	85	4,624	24,424½	11	827	4,424½
1982	90	5,513	26,894	81	4,713	22,406½	9	800	4,487½
1983	2	45	290	2	45	290	-	-	-
1984	31	1,745	7,161½	19	1,043	4,354½	12	702	2,806½
1985	27	1,411	5,305½	13	681	2,443½	14	730	2,862
1986	21	969	4,299	6	333	1,057	15	636	3,242
1987	2	100	498	1	85	446	1	15	52
	337	19,064	91,721½	264	14,572	70,641½	73	4,492	21,080

Sumber: Buku Rekod Mini Estet, RISDA, KL.

Nota Kaki

1. Anuar Ahmad , Peranan dan sumbangan RISDA di dalam Pembangunan Sosio-ekonomi Masyarakat Luar bandar (Kajian Kes di Mukim Kerubung Melaka).
2. Sarifah Arbiah Hj. Samsuddin, 'Peranan RISDA dalam usaha meningkatkan taraf hidup pekebun kecil.
3. Tuan Mohd. Azemin Tuan Drama (1977/78), Pusat Pembangunan Pekebun Kecil: Kajian keatas struktur, organisasi dan aktiviti PPRK, Wakaf Bata Kelantan.
4. Che Alias Che Musa (1979/80) Pembangunan 'in situ' melalui Projek RISDA. Satu kajian kes di Batu Karang.
5. Abd. Rani Abd. Wahab (1981/82) Peranan dan Sumbangan Agensi dan Jabatan Kerja dalam kegiatan Sosio-ekonomi masyarakat luar bandar. Penumpuan ke atas RISDA. Kajian kes di Kg. Ajai Raub Pahang.
6. Mohd. Nasir Saludin (1981/82) Peranan RISDA dalam usaha meninggikan taraf sosio-ekonomi pekebun kecil getah Kuala Pilah N. Sembilan.
7. Rancangan Malaysia Kedua: Dasar Ekonomi Baru mempunyai matlamat iaitu membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat.
8. RISDA (1976); Seminar Desar Pontian Johor
9. Rancangan Malaysia ke Lima. Hal 363.
10. RISDA (1982). Manual Mini Estet, KL. Hal. 1
11. Tylor D.C. (1976) Agricultural, Development Through Group Action to Improve The Distribution of Water In Asian Gravity - Flow Irrigation System, ADC.
12. Rancangan Malaysia Ke Lima, Hal. 357.
13. Kenyataan dari Tuan Haji Sapari b. Hj. Abdul Aziz. Beliau adalah Ketua Kampung dan semasa Mini Estet ditubuhkan pada tahun 1979, beliau dilantik menjadi pengerusi sehingga sekarang.
14. Yusuf Suhaimi (1980), "Seminar Kemiskinan Pekebun Kecil," RISDA, KL, Hal. 10.
15. Rancangan Malaysia Ketiga. Hal 193.
16. Artikal buku pelancaran projek kampung terurus dan tabung pembangunan sosio-ekonomi pekebun kecil pada 8.5.1984.

17. Temubual dengan Seorang peserta Abdullah b. Pardi, buah-buah nenas yang telah dipetik, dialirkan melalui parit yang menghubungkan kebun dengan jalan raya. Proses ini memakan masa 3 atau 4 hari baharulah nenas itu dapat dijual. Getah pula di bawa menggunakan sampan.
18. 'Getah buku' bermaksud getah yang membeku dalam cawan. Pekebun tidak memungut getah tersebut selepas menoreh dan getah ini hanya diambil pada keesokan harinya setelah ia membeku. Harga getah jenis ini lebih rendah jika dibandingkan dengan getah keping.
19. Sistem bekerja estet; seorang pekerja diberi blok (kawasan) tertentu dan pekerja tersebut bertanggungjawab dalam kerja-kerja memetik buah hinggalah ke proses mengangkut hingga ke lori. (Rujuk Abd. Razak Mahusain, Masyarakat Melayu di Estet; Kajian Aspek sosio Demografi dan Sosio-ekonomi Masyarakat Melayu di Estet Welch Jementah, Segamat, Johor 1985.
20. Khalid M. Nor (83). 'Masalah Pekebun Kecil Kelapa Sawit' Seminar, PORIM, UPM. Menyatakan Kelapa Sawit mesti sampai ke kilang dalam masa 48 jam selepas dituai bagi mendapat perahan yang maksima. Jika terlewat kandungan asid meningkat dan mutunya berkurangan.
21. Bert Raven and Jeff Rubin "Social Psychology" United States of America. Hal. 349
22. Allen V.L, "Social Analysis: A Marxist critique and Alternative" Logman London 1975.

21. Mohd. Nor Abdullah, The development of the small farmer sector, Problems and Prospect - Seminar Pentadbiran Awam dan Pembangunan Malaysia Bangi 1978.
22. Barkat Ali b. Syed Ali, RISDA's extension strategy for small-holder development dalam Regional Seminar on extension and Rural Development strategi Serdang 1983.

No.	Nama	Jawatan	Majlis/Sekolah	Pencapaian/Pelaksanaan

4. PENUTUPAN

- 4.1. Penutupian oleh Menteri Pertanian, ()
- 4.2. ()
- 4.3. ()
- 4.4. ()
- 4.5. ()
- 4.6. ()